

19/12/1998

Siemens Batu Berendam menang anugerah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Siemens Components Sdn Bhd dari Batu Berendam Melaka, yang mengeluarkan produk elektronik, dipilih pemenang kategori terbuka Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti di majlis Anugerah Kecemerlangan Industri 98.

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti bagi industri sederhana pula dimenangi Master-Pack Sdn Bhd, Subang Jaya Medical Centre dan Globetronics Technology Sdn Bhd.

Anugerah penghargaan kerajaan kepada sektor swasta yang mencapai kecemerlangan dalam keluaran dan perkhidmatan itu, disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Pengerusi Arab Malaysia Merchant Bank, Tan Sri Azman Hashim.

Anugerah Kecemerlangan Keluaran bagi kategori satu dimenangi Computer Protocol (M) Sdn Bhd, Standard Confectionery Sdn Bhd (kategori II), SKB Shutters Manufacturing Sdn Bhd (kategori III) dan Silverstone Berhad (terbuka).

Kategori satu ialah syarikat tempatan yang mempunyai tidak lebih 50 pekerja sepenuh masa dan jualan tahunan tidak melebihi RM10 juta manakala kategori kedua pula, syarikat mempunyai di antara 51 dan 150 orang pekerja dan jualan tahunan sehingga RM25 juta.

Kategori ketiga pula syarikat tempatan yang mempunyai lebih dari 150 orang pekerja dan jualan tahun melebihi RM25 juta manakala kategori terbuka pula terbuka kepada semua syarikat.

Anugerah Kecemerlangan Pembangunan Jenama Malaysia iaitu anugerah baru dimenangi Royal Selangor International Sdn Bhd, Artwright Holdings Berhad dan Boh Plantations Sdn Bhd, manakala Anugerah Kecemerlangan Rekabentuk dimenangi Syarikat Permainan Malaysia Sdn Bhd.

Anugerah Kecemerlangan Eksport (dagangan) bagi kategori satu dimenangi Profound Harmony Sdn Bhd, Bristol Industry Sdn Bhd (kategori II), Kanzen Tetsu Sdn Bhd (kategori III) dan Hualon Corporation (M) Berhad bagi kategori terbuka.

Anugerah Kecemerlangan Eksport (perkhidmatan) pula dimenangi Green & Smart Sdn Bhd yang menyediakan perkhidmatan perundingan penyelidikan.

Semua pemenang menerima trofi dan sijil kemenangan dan layak menggunakan lambang anugerah sebagai bahan publisiti selama tiga tahun.

(END)